



كامرکتوا حاکم شرعي محکمہ شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,
JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,
75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 16 Februari 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2017

Pendaftaran Kes Mal / Jenayah / Faraid Secara Luar Talian (Manual)

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.1 tahun 2017 pada 15 Februari 2017 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Semua pendaftaran kes hendaklah dilaksanakan pada hari pemfailan kes oleh pihak-pihak.
2. Pendaftaran kes secara luar talian (manual) hendaklah dilaksanakan ketika berlaku gangguan rangkaian / talian e-Syariah. Pendaftaran tersebut hendaklah direkodkan dan pemberian nombor kes adalah secara manual.
3. Selanjutnya, Pendaftar / petugas kaunter bertanggungjawab untuk memaklumkan nombor-nombor kes yang terlibat dengan pendaftaran secara luar talian (manual) **dalam kadar segera** kepada Unit Teknologi Maklumat.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka